

PM SERU SUAMI DUDUK SAMA

U.M. 26 AUG 1992

KUALA LUMPUR
25 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyeru suami isteri yang bekerja supaya kembali tinggal bersama ibu bapa mereka sebagai satu jalan penyelesaian kepada soal penjagaan anak.

Beliau berpendapat, jika amalan tinggal bersama ibu bapa dikembalikan, masalah penjagaan anak akan dapat diselesaikan.

Lagipun, katanya, ibu mer-tua tidaklah seburuk seperti yang digambarkan dalam drama atau cerita televisyen.

Saranan

Kata Dr. Mahathir, beliau membuat saranan ini kerana dalam masyarakat Malaysia yang moden, tradisi lama di mana semua wanita menjadi ibu dan lelaki menjadi *bread winner* tidak dapat dikembalikan.

"Dilema kita ialah, kedua-dua pilihan mempunyai kesan yang tidak baik," kata Perdana

Menteri kepada para pemberi-ta selepas merasmikan Hari Wanita di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) petang ini.

Beliau berkata, satu cara untuk mengatasi masalah ini ialah dengan menghidupkan semula sistem kembali kepada keluarga asal.

Hubungan

Penduduk bandar katanya, terputus hubungan dengan anggota keluarganya yang lain dan jika dahulu datuk atau nenek yang menjaga cucu hari ini di bandar-bandar mereka yang sudah berkahwin hidup berasingan.

Katanya, jika mereka mempunyai anak, masalah akan timbul tetapi sebaliknya jika amalan tinggal bersama ibu bapa dikembalikan masalah ini mungkin akan berkurangan.

Dr. Mahathir menambah, masalah yang dihadapi oleh suami isteri yang bekerja sekarang ialah semakin ramai anak yang ditinggalkan kepada penjaga atau pengasuh yang mungkin terdiri daripada orang asing.

LIHAT MUKA 2

IBU BAPPA
ISTERI

PM SERU SUAMI ISTERI DUDUK SAMA IBU BAPA

U.M. 26 AUG 1992

Anak-anak ini, katanya, akan mengabaikan bahasa ibunda mereka akan hilang atau lemah.

"Besar kemungkinan mereka akan menjadi keliru (*disoriented*) dan tidak dapat menyesuaikan diri dalam masyarakat Malaysia. Mereka sudah tentu tidak akan mengecapi kesayangan ibu, sesuatu yang amat penting bagi membentuk psikologi mereka.

"Anak yang tidak merasai kesayangan ibu bapa tidak akan dapat memhami tanggungjawab terhadap anak mereka kemudian," katanya.

Anak seperti ini, kata Dr. Mahathir, mungkin tidak berdisiplin dan mudah terlibat dengan kegiatan yang tidak diinginkan seperti penagihan dadah.

Bercakap kepada para pemberita kemudian, Dr. Mahathir berkata, kerajaan akan membuka peluang

kepada pangkat yang lebih luas kepada kaum wanita.

Menurutnya, peluang-peluang tersebut sepatutnya sudah lama diamalkan, tetapi ada kes-kes di mana mereka yang sepatutnya dinaikkan pangkat telah dihalang. Keadaan ini berlaku dalam sektor awam dan kerajaan bercadang untuk menukar orientasi ini.

"Sebab itulah saya sarankan perkara ini dalam ucapan saya sebentar tadi."

Sebelum itu, dalam ucapannya, Dr. Mahathir menarik perhatian, kaum wanita yang layak dinaikkan pangkat tidak sepatutnya disekat hanya kerana mereka wanita. Peranan wanita dalam masyarakat, katanya, bukan harus dikurangkan, tetapi dipertingkatkan.

"Kaum lelaki perlu akui bahawa dalam bidang

pelajaran dan perniagaan prestasi wanita kadang-kadang lebih tinggi daripada lelaki. Mereka haruslah mengiktiraf hakikat ini dengan memberikan tempat yang sewajarnya kepada wanita iaitu mereka yang layak dinaikkan pangkat tidak harus disekat," ujar Perdana Menteri.

Dr. Mahathir berkata, bahawa wanita Malaysia tidak 'militan' tidak seharusnya dijadikan peluang bagi lelaki mengambil kesempatan daripadanya.

Katanya, apa yang penting di sini ialah kaum wanita bersama kaum lelaki mestilah memandang serius peranan masing-masing serta mengambil pendekatan yang bijak dalam perancangan negara untuk masa depan.

Beliau juga memuji sikap wanita Malaysia yang menerima kemajuan tanpa menggadaikan sifat-sifat semulajadi mereka sebagai ibu dan isteri.